**MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1.** | **(a) SKIM PERKHIDMATAN** | **:** | **PEMBANTU KESELAMATAN** |
| | **(b) KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| | **(c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | **:** | **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM** |
| | **(d) GRED** | **:** | **KP1** |

**2. JADUAL GAJI :**

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|---|---|---|
| RM1,500.00 | RM4,680.00 | RM100.00 |

**3. SYARAT LANTIKAN**

3.1 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: :

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau

(v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00). dan

(b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

(ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

(iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26; 249/472

(iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.** | **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** | 4.1 | Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a)(i), 1(a)(ii), 1(a)(iv) dan 1(a)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **5.** | **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA** | 5.1 | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **6.** | **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | 6.1 | Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br><br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br><br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan<br><br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **7.** | **TARAF JAWATAN** | 7.1 | **KONTRAK (INTERIM)** |